

Kegiatan haram ini perlu
dicegah, kata Dr M

'Barang2 tiruan macam ekonomi'

KUALA LUMPUR, Jumaat

TINDAKAN tegas perlu diambil untuk menyekat kegiatan haram seperti menjual barang-barang tiruan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri menegaskan, jika perkara ini dibiarkan berleluasa, para pengguna dan pembeli tidak lagi menaruh kepercayaan dan tidak mahu membeli barang-barang asli.

Walaupun kegiatan haram yang boleh menyebabkan ramai pengguna tertipu dilakukan oleh golongan yang kecil, tetapi kesannya amat buruk kepada masyarakat. "Sekali pengguna hilang kepercayaan, semua perniagaan akan menjadi malap," tegasnya.

Bellau berkata, keadaan ini mungkin belum berleluasa di negara ini tetapi ia memerlukan tindakan tegas dan Kerajaan tanpa usaha dan tindakan tegas pihak swasta dan pengguna mungkin tidak dapat mengatasinya dengan berkesan.

Bagi kebaikan dan masa depan sektor swasta dan rakyat, adalah lebih baik keadaan ini ditangani dengan tegas dan segera," kata bellau di majlis penyampaian derma kepada 16 badan kebajikan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di sini.

Rakan perkongsian

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menerima derma sebanyak \$150,000 dari Syarikat Kawangan Sim Lim Malaysia Berhad yang disampaikan oleh Pengerusinya, Encik Soon Peng Yam.

Bellau berkata, bagi sebarang perniagaan, kesan utama yang diharapkan ialah sokongan masyarakat pengguna dan pembeli. "Tetapi kesan yang lebih luas ialah tanggungjawab sosial sesebuah badan perniagaan terhadap masyarakat dan negara," tambah beliau.

Mengenai konsep Persejajiratan Malaysia, Perdana Menteri mengemukakan pandangan rakyat negara ini, yang masih tidak memahami konsep itu.

"Sekali lagi ingin saya jelaskan bahawa Persejajiratan Malaysia adalah gelaran bagi sebuah negara yang Kerajaan dan swasta bekerjasama untuk menajayakan ekonomi negara, seolah-olah negara adalah sebuah syarikat. Kerajaan dan swasta menjadi rakan perkongsian," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerjasama ini amat logik kerana keuntungan pihak swasta akan menguntungkan Kerajaan dan negara melalui hasil yang diperoleh.

Sebaliknya, tegas bellau, kerugian oleh pihak swasta bermakna Kerajaan tidak akan mendapat hasil dan rakyat juga tidak akan merasai nikmat dari perbelanjaan hasil.

"Oleh itu pegawai-pegawai Kerajaan patutlah ber-

saha untuk sama-sama menayakan semua perniagaan," ujarnya lagi.

Perdana Menteri menambah, kejayaan Persejajiratan Malaysia tidak boleh bergantung kepada rakan perkongsian sahaja.

Sementara itu ketika berucap di Kuala, petang tadi Datuk Seri Dr Mahathir mengkritik negara-negara maju kerana melancarkan kempen memburuk-burukkan imej Malaysia dengan menyebarkan dakwah menerusi majalah-majalah antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, mereka menjalankan kempen memperkecil-kecilkan rancangan pembangunan dan diarah Pandang ke Timur negara ini kerana iri hati melihat Malaysia maju.

Merasakan sidang perwakilan Umno Bahagian Tenggara di sini, bellau berkata, di masa negara-negara maju di Barat menghadapi kemerosotan ekonomi, Malaysia terus mencapai kemajuan yang luar biasa.

"Ekonomi negara ini terus berkembang walaupun hasil utamanya seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit tidak dapat dijual dengan harga tinggi.

"Keadaan ini menimbulkan perasaan iri hati dari orang lain, negara-negara lain termasuk negara-negara maju yang sekarang tidak maju.

"Kerana tidak senang hati dengan kemajuan kita, negara-negara itu melalui majalah-majalah antarabangsa menyebarkan dakwah memburuk-burukkan imej negara ini," katanya.



● DATUK Seri Dr Mahathir sedang menerima cek derma sejumlah \$150,000 untuk Bulan Sabit Merah dari Encik Soon Peng Yam Pengerusi Syarikat Kawangan Sim Lim.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri	5765
No. Penerbitan	82/86